


Peringatan : Pertanyaan-pertanyaan yang tidak disertakan tandatangan dan alamatnya yang terang tidak diraikan. Juga pertanyaan-pertanyaan yang mengenai disekeliling hal ehwal masyarakat kita itulah yang diutamakan daripada soal-soal yang sulit-sulit dan jarang berlaku oleh kerana rungan ini adalah berguna untuk panduan pembaca-pembaca – P.

(Khas bagi Majalah Qalam – tidak dibenarkan dikutip)

-----✳----------✳---- -----✳----------✳---- -----✳----------✳----

Yang binti Ali, Kuala Lipis, Pahang bertanya: Anak saya telah hampir sedozen. Saya berhajat juga hendak mencari ikhtiar supaya jarang sedikit beranak. Bolehkah saya mengikut petua atau ilmu "breast control" (mengawal beranak) atau family planning itu?

Jawab : Sebelum kita menjawab soal ini maka terlebih dahulu hendaklah kita menghalusi tujuan-tujuan berkenaan dengan rancangan "breast control" atau family planning itu. Menurut siarannya yang kita baca adalah tujuan-tujuannya yang utama, menurut pandangan kita pertadbiran menggalakkan rancangan yang tersebut ialah oleh memandang bahawa banyaknya manusia dari semasa ke semasa itu bertambah yang sudah tentu dengan kerana bertambah itu menghendaki tempat-tempat yang lebih luas dan lebih rehat dan menambah pula suatu bebanan untuk menyediakan makanan – terutamanya di atas bandar-bandar yang besar seperti di Singapura ini dan dengan sebab itulah, menurut pandangan kita, jika tidaklah dengan kerana bantahan-bantahan yang kuat daripada beberapa agama sudah tentu yang demikian ini akan diperundang-undangkan supaya tiap-tiap seorang harus akan dipaksa menjalankannya atas tujuan-tujuan yang tersebut. Lagi satu tujuannya ialah mereka menarik perhatian bahawa apabila seseorang itu banyak anaknya sudah tentu besar tanggungannya, untuk mendidik anak-anak itu dan jika kanak-kanak itu tidak terdidik maka tidaklah ia akan menjadi orang yang akan diharap berguna kepada masyarakat, dan dengan kerana itu pandangan mereka, lebih baik beranak sedikit, seorang berdua asal ia dapat dididik dengan sempurna.

Menurut pandangan ahli-ahli agama bahawa anak itu ialah pemberian Allah yang tidak dapat dibuat oleh manusia. Terkadang-kadang seseorang tergila-gila hendak beranak tetapi tidak mendapatnya sehingga ada yang terpaksa berbuat syirik meminta kepada tok ini dan tok itu oleh kerana hendak beranak dan sebaliknya ada juga orang yang bosan beranak dengan kerana anaknya keluar setahun satu sehingga berpuluh-puluh dan payah membelanya. Dengan kerana itu maka ada terbit dua fahaman ahli-ahli fikir agama Islam. Satu – membanyakkan umat, yang kedua – tidak guna banyak umat kalau sekiranya tidak bermanfaat – Islam pada kulitnya.

Pendapatan yang pertama memandang bahawa anak itu pemberian Allah dan Allah Maha Kaya, Ia akan memberi rezeki-Nya dan menjadi pengawal-Nya sedang kedua-dua ibu bapa itu hanya sebagai wasitah mengusahakan bagi faedah anak itu.

Pendapatan yang kedua sungguhpun Allah yang memberi segala-galanya tetapi ikhtiyar untuk itu adalah terpikul oleh ayah dan bondanya dan sebab itu mestilah dijarangkan. Dengan ini maka masalah yang kedua ini membenarkan menjarangkan beranak dengan syarat tidak barang yang telah jadi yakni tidak merosakkan tempat peranakan bagi perempuan. Yang demikian ini dibantah oleh kerana ia menyukat ketentuan yang diberi oleh Allah dan seolah-olahnya tidak mempercayai kepada kudrat Allah Subhanahu wa Taala yang memberi rezeki kepada tiap-tiap hamba-Nya.

Pendapatan kita tidak syak lagi cara yang dijalankan oleh breast control itu ditegah oleh agama dan sekiranya tiap-tiap seorang hendak menjarangkan beranak maka buatlah sebagaimana yang dilakukan oleh Badwi-badwi di negeri Arab iaitu mereka bertimbang rasa kepada isteri-isteri mereka dengan mereka tidak campur kepada isteri mereka sehingga umur anaknya selama dua tahun. Dengan cara ini ialah

mengawal hawa nafsu, mengawal syahwat dengan tidak merosakkan kepada sesuatu yang telah dijadikan Allah.

-----✳----------✳----

Haji Muhamad Arif al-Arabiyah School Gunung Baling, Kedah, bertanya : Di mana asalnya mula perkataan cina buta – adakah gelaran itu pada zaman Rasulullah dahulu?

Jawab : Asal perkataan itu kita tidak mendapat tahu. Tetapi perkataan cina buat itu adalah diambil daripada makna mahlal. Boleh jadi perkataan itu dinisbahkan kepada cina-cina mualaf yang buat yang redha dijadikan perkakas untuk mempermain-mainkan kahwin dengan sebab ketiadaan pahamnya dalam perkara yang tersebut. Perkataan ini tidak ada pada zaman Rasulullah.

-----✳----------✳----

Ismail Abdul Rahman, kampung Raja Besut, Terengganu bertanya : Halal atau haram wang yang diberi (bunga) sebanyak tiga peratus setahun bagi tiap-tiap Seringgit manakala kita simpan di dalam SEABank bank?

Jawab : Haram. Riba ditegah oleh agama.

-----✳----------✳----

Abdul Kadir Jamaludin, Pasir Hitam bertanya : bagaimana hukumnya seorang kanak-kanak cina yang dipelihara oleh orang Islam mati dalam umurnya tak sampai tiga tahun bolehkah dikebumikan oleh perkuburan orang Islam atau tidak.

Jawab: Boleh ditanam dan diurus secara Islam. Rasulullah (SAW) bersabda (maksudnya) tiap-tiap seorang kanak-kanak diperanakkan atas kebersihan – kedua-dua ibu bapanya yang menjadikannya Yahudi atau menjadikannya Majusi (Hadith Sahih riwayat At-Tabrani dan Baihaqi).

Hadith ini menerangkan bahawa tiap-tiap kanak-kanak mahu pun kanak-kanak orang kafir atau kanak-kanak orang Muslim diperanakkan atas fitrah yakni kesucian dan kebersihan, tetapi yang menyesatkannya ialah kedua-dua ibu bapanya. Ibu bapanya tak dapat menjadikannya Yahudi atau Nasrani atau Majusi sebelum ia baligh. Kanak-kanak yang diambil oleh orang Islam maka jadilah ia anak orang Islam yang diperanakkan oleh orang Islam.

Pada zaman nabi anak-anak kafir yang mengikut Islam sebelum baligh ada banyak seperti Ali, Ibnu Zaid, Zaid bin Harith dan lain-lainnya. Sekalipun pada zaman nabi, jika tidak khilaf, tidak ada anak-anak kafir yang diambil atau dibela oleh orang Islam yang mati sebelum baligh ditanam dengan secara Islam tetapi adakah kiranya jika mati orang-orang yang tersebut di atas yakni yang bersama-sama dengan nabi sebelum baligh itu meninggal adakah diserahkan kepada Rasulullah ditanam oleh orang kafir atau tidak dibenarkan ditanam di dalam perkuburan Islam. Adakah pada zaman nabi seseorang anak kafir yang dipelihara oleh orang Islam mati, diserahkan mengurus dan menanamnya kepada orang kafir? Kita tidak mendengarnya dalam perkara ini. Oleh itu dengan keterangan itu kita berpendapatan bahawa anak-anak itu hendaklah diselenggarakan mengikut secara Islam.

-----✳----------✳----

---

(sambungan dari muka 6)

kepada jalan Allah? – adakan tuntutan perjuangan itu menunggu masa dan sangat, menunjukkan keberanian? Di dalam masa berperang boleh menggunakan tipu muslihat peperanan tetapi di dalam perjuangan untuk membina masyarakat, setiap sangat dan masa pengorbanan tiap-tiap seorang yang berikrar itu dikehendaki dan bachul benar mereka kalau bekerja untuk orang lain dengan konon-kononnya menggunakan tipu muslihat sedang di dalam tipu muslihat itu akan membinasakan kedudukan dan muslihat kaumnya. – Tuan Haji Ahmad Fuad menerangkan apa tipu muslihatnya!

Dengan sebab itu tiap-tiap orang Islam hendaklah insaf bahawa jangan lekas terpedaya mendengar ayat-ayat atau hadith digunakan oleh orang yang berserban sebelum kita memikirkan iman kita hendak dibawa dan ingatlah bahawa agama Islam kita adalah agama orang yang berakal dan sebab itulah kita mesti mencemburui lebih dahulu kepada tiap-tiap bauan mereka kerana kerap kali sokong itu membawa rebah adanya.

Ahmad Kamal Suhaimi, Jalan Pecah Baru, Trong, Perak bertanya : Bagaimanakah seseorang Islam itu menuntut nafkah mencuci kasut-kasut orang Eropah?

Jawab : Harus. Pekerjaan mencari nafkah dengan jalan yang halal itu yakni dengan tenaga dan usaha itu adalah dituntut bahkan adalah ia mulia. Yang dikeji oleh agama ialah mencuri, menipu, menganiaya dan mengambil hak orang.

-----✳----------✳----

Hassan Ahmad, Madrasah Al-Falah, Parit Buntar Perak bertanya : Adakah diharuskan seorang bernazar ziarah kepada datuk-datuk keramat atau kepada batang-batang atau busut-busut manakala seseorang itu ditimpa kesakitan?

Jawab : Orang yang mati, batang atau busut-busut itu ialah benda-benda yang tidak boleh berbuat sesuatu dan nazar yang seperti itu ialah sesia belaka bahkan harus menaikkan kepercayaan-kepercayaa yang menjadikan syirik dan sebab itu hendaklah dijauhi. Kita mendengar nazar yang biada dilakukan dan dibuat pada zaman sahabat berpuasa, bersedekah dan sebagainya dengan terus meminta pertolongan kepada Allah kerana diantara makhluk dengan Tuhan itu tidak sesuatu yang menjadi perantaraan.

-----✳----------✳----

Ahmad Haji Hassan, Kuala Batas, Kedah bertanya : anak-anak gadis kita apabila julung-julung pertama kali ia mengandung mengapakah sebabnya ia "mandi tian"? jika tidak dibuat apa akibatnya?

Jawabnya : mandi tian itu yakni mandi dalam masa seorang perempuan mengandung sulung ialah adat yang lazim dibuat yang di dalamnya suami isteri itu dimandikan bersama-sama dengan langir dan sebagainya serta dengan mayang pinang yang masih terbungkus. Daripada benda-benda Ibnu Zahir bahawa adat itu diambil daripada agama Hindu. Pengajaran Islam tidak ada menunjukkan pengajaran yang demikian dan tidak ada satu-satu akibat bagi orang yang tidak membuatnya bahkan di dalam pekerjaan-pekerjaan yang seumpama itu banyak terbit senada gurau dan lazim juga terjadi percampuran-percampuran yang hebat di antara lelaki dan perempuan yang bukan mahram yang kesannya sudah tentu melanggar tegahan-tegahan agama Islam.

-----✳----------✳----

Muhamad Ishak bin Haji Abdul Aziz, Jalan Dagang Batu Pahat bertanya : Duniakah berpusing atau matahari atau bulan yang berpusing. Harap terangkan dengan jelas mengikut pendapatan ulama Islam.

Jawab : Allah telah berfirman (maksudnya) : "Engkau Lihat gunung-gunung itu. Engkau sangka ia barang yang keras (diam) pada hal ia berjalan sebagai mega, iaitu Perbuatan Allah yang sangat sempurna membuat sesuatu" – Al-Quran Al-Naml ayat 88. Firman Allah lagi (maksudnya) : "Matahari itu beredar di tempat ketetapannya" – Al-Quran Yasin ayat 38, firman Allah lagi (maksudnya) : "Bulan itu kami tentukan baginya tempat-tempat (peredarannya)" – Al-Quran Yasin 39.

Ayat yang pertama kita mendapat tau bumi iaitu berjalan (beredar) kerana kalau dikatakan gunung berjalan pada hal gunung itu tidak berpisah dengan bumi tentulah maksudnya bahawa gunung-gunung berjalan bersama-sama dengan bumi yang menjadi yang asas (tempat berdiri baginya). Daripada ayat yang dua kita dapat mengetahui bahawa matahari juga berjalan atau beredar dan di dalam ayat yang ketiga bahawa bulan itupun beredar.

Apabila kita setujukan ayat-ayat itu dengan pendapatan ahli-ahli falak dengan menggunakan teropong, perhitungan dan sebagainya yang mengatakan bahawa bulan itu mengelilingi bumi dan bumi yang mengelilingi bulan itu mengelilingi matahari maka pendapatan yang dahulu itu telah menetapkan bahawa bumi itu beredar dan matahari tinggal diam. Pada masa itu tentulah orang salahkan Quran yang berkata bahawa matahari juga berjalan pendapatan baharu menetapkan pula bahawa matahari itu bersama-sama bumi ini dan bersama-sama lain-lain bumi yang mengelilinginya mengelilingi bintang. Lain lagi yang belum diketahui. Daripada ini kita percaya bahawa tuan yang bertanya telah jelas di mana kedudukannya.